

Perlu ada kuota tertentu untuk syarikat tempatan Sabah: Salleh

Oleh SITI AISYAH NARUDIN & HEDNISIAH MAIJAL

utusanborneokk@gmail.com

UB 18-12-2011 A5

KOTA KINABALU: Kerajaan pusat perlu sediakan kuota tertentu untuk syarikat-syarikat perfileman yang dimiliki anak Sabah bagi membantu memajukan industri filem di negeri ini.

Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Seri Panglima Salleh Tun Said berkata penting bagi kerajaan pusat melalui syarikat Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (Finas) menyediakan kuota dan dana tertentu khusus untuk syarikat yang dikendalikan anak tempatan Sabah.

Ini kerana syarikat daripada negeri ini sudah tentu tidak mampu bersaing dengan syarikat-syarikat yang sudah kukuh di Semenanjung.

"Saya yakin dengan adanya bantuan seumpama ini, industri filem Sabah mampu berkembang maju," katanya pada sidang media selepas menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan North Borneo Media Sdn Bhd di sini kelmarin.

Beliau yang juga bekas Pengerusi Finas berkata, industri perfileman bukan sahaja mampu mempopularkan Sabah tetapi turut memberi peluang pekerjaan kepada anak tempatan Sabah yang terlibat dalam industri berkenaan.

Katanya, kerajaan negeri di bawah kepimpinan Ketua Menteri, Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman, sentiasa menyokong usaha seperti itu dan terlibat dengan aktiviti berkaitan industri



MOU...Salleh (dua kiri) menyaksikan Kassim (dua kanan) dan Fikthree (kiri) bertukar dokumen selepas majlis berkenaan sambil diperhatikan oleh Abdullah (kanan).

perfileman.

"Sokongan daripada semua pihak amat dialu-alukan kerana selagi ada panggung, media massa dan internet...sudah tentu ada pasaran untuk memajukan industri ini.

"Namun begitu, kita kena keluarkan filem atau dokumentari yang berkualiti dan tidak boleh bergantung atas nama anak Sabah semata-mata," katanya.

Salleh berkata, perlu keluarkan filem yang setaraf dengan filem keluaran syarikat daripada Semenanjung.

Justeru, beliau yakin kerjasama yang dilaksanakan antara UMS dan North Borneo Media adalah satu langkah permulaan yang baik.

Terdahulu, Naib Canselor UMS, Briged Jen Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon berkata kemajuan industri perfileman penting dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada anak tempatan Sabah.

Menurutnya, ramai anak Sabah yang juga graduan UMS dalam bidang kreatif seperti filem terpaksa berhijrah ke Kuala Lumpur bagi meneruskan minat dalam bidang berkenaan.

Malah ada yang mencari pekerjaan atau menceburi bidang lain yang tidak berkaitan dengan kepakaran yang dipelajari di UMS.

"Puncanya, kita di Sabah belum dapat menyediakan landasan atau peluang pekerjaan secukupnya dalam bidang kreatif seperti perfileman dan animasi.

"Justeru, saya berharap dengan adanya kerjasama antara UMS dan North Borneo Media, kita dapat merancang sesuatu yang besar dalam bidang ini," katanya.

Teks ucapan beliau disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS, Prof Madya Datuk Dr Kassim Mansur.